KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	28.01.22 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	PERHILITAN			

Orang asli mahu terlibat dalam usaha banteras ancaman harimau

Sh 28.1.2022_27

TAPAH - Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) diberitahu bahawa masyarakat orang asli di Pos Bihai, Gua Musang meminta agar penduduk setempat dilibatkan dalam usaha membanteras ancaman harimau di kawasan itu.

Ketua Pengarah Jakoa, Sapiah Mohd Nor berkata, perkara itu disuarakan selepas timbul rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk kerana ada gerakan dan operasi dijalankan dalam hutan telah melanggar pantang larang serta budaya mereka.

Menurutnya, penduduk setempat mahu pandangan dan cadangan mereka diambil kira dalam usaha itu bagi menjaga kepentingan bersama.

"Saya ada bangkitkan perkara ini dalam mesyuarat bersama menteri bahawa dalam usaha mengawal ancaman harimau ini, mesti libatkan juga masyarakat setempat.

"Kita faham jabatan dan agensi mengambil tindakan sebagaimana prosedur ditetapkan, tetapi dalam hal ini orang asli berpendapat mereka pun ada pantang larang mereka sendiri.

"Contohnya baling-baling mercun dalam hutan, bagi mereka ia sesuatu yang tidak boleh dilakukan dan perkara-perkara yang dianggap melanggar pantang larang ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati kalangan mereka," katanya.



Sapiah (tengah) yakin kemudahan Tube Camp yang ditempatkan di air terjun Lata Kinjang mampu melonjakkan ekopelancongan di situ.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan majlis penyerahan Tube Camp daripada Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) kepada Jakoa di Kampung Orang Asli Lata Kinjang, Chenderiang di sini.

Sapiah berkata, pihaknya telah dimaklumkan satu pasukan *task force* telah ditubuhkan dan diketuai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

Katanya, pasukan Senoi Praaq Batalion 3 Pasukan Gerakan Am (PGA) juga telah memulakan tugasan membantu mengawal kawasan itu daripada ancaman harimau.

"Jakoa akan cuba sebaik mungkin mengambil peranan menerangkan kepada masyarakat orang asli di sana.

"Memandangkan bahaya harimau itu yang jadi fokus utama, maka aspek budaya itu mungkin terpaksa kita kurangkan," katanya.